

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SEMASA MEMBENTANGKAN KERTAS KERJA DI SEMINAR KEBANGSAAN
KEBAJIKAN MASYARAKAT
Lokasi : PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), KUALA LUMPUR
Tarikh : 25-08-1986

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan perasaan bangga dan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur Seminar ini kerana memberi peluang untuk saya menyampaikan satu kertas kerja di Seminar Kebangsaan Kebajikan Masyarakat ini. Saya berharap Seminar Kebangsaan ini akan mencapai objektifnya.

2. Kertas kerja yang bertajuk 'Peranan Pertubuhan-Pertubuhan Sukarela Dalam Bidang Kebajikan Masyarakat' telah diedarkan kepada tuan-tuan dan puan-puan lebih awal lagi. Dengan itu saya tidak bercadang membaca kertas kerja itu satu persatu, sebaliknya saya akan hanya menekankan perkara-perkara yang saya fikirkan penting untuk kita sama-sama menelitinya.

3. Kertas kerja saya ini memberi latarbelakang kedudukan masyarakat kita dan latarbelakang mengenai penubuhan pertubuhan-pertubuhan sukarela. Ianya juga menyentuh sedikit sebanyak mengenai semangat sukarelawan, peranan pertubuhan sukarela, masalah yang dihadapi oleh pertubuhan sukarela, dan akhirnya langkah-langkah yang difikirkan penting bagi mempertingkatkan peranan pertubuhan sukarela.

4. Bidang kebajikan adalah sangat luas. Ia memerlukan sumber yang banyak untuk memenuhi kehendak dan keperluan rakyat yang begitu kompleks. Dalam hubungan ini sumbangan orang ramai bukan sahaja sangat penting bahkan sangat diperlukan. Cara hidup bermuafakat dan saling bantu-membantu di antara satu sama lain amatlah mustahak dalam usaha mengendalikan hal-ehwal kebajikan rakyat. Bagi membolehkan cara hidup begini terus berkembang maka bukan sahaja institusi yang terdapat dalam masyarakat, bahkan institusi sosial seperti pertubuhan sukarela juga boleh memainkan fungsi, peranan dan tanggungjawab dalam berbagai usaha untuk mewujudkan keadaan serta kemudahan yang diperlukan oleh rakyat.

5. Di Negara ini terdapat berbagai jenis pertubuhan sukarela yang ditubuhkan untuk mengadakan perkhidmatan bagi menampung dan menambah perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan. Kebanyakan pertubuhan sukarela adalah terlibat dalam berbagai kegiatan seperti pencegahan dan pemulihan.

Dalam keadaan di mana sumber kewangan dan tenaga manusia adalah amat terhad, kita mengakui bahawa pertubuhan sukarela memainkan peranan yang penting dan memberi sumbangan yang bermakna dalam usaha negara memaju serta mempertingkatkan hal-ehwal kebajikan rakyat.

6. Semangat sukarelawan atau 'spirit of volunteerism', perlu dipupuk dan digalakkan supaya perkembangannya bertambah cepat lagi. Di samping itu pekerja sukarela perlulah mempunyai kesanggupan untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman dan kemahiran serta apa-apa kepakaran yang diperolehi oleh masing-masing. Saya berpendapat seorang sukarelawan perlu mengamalkan sikap yang membolehkannya mendapat sokongan dan inspirasi dari rakan-rakan.

7. Mengenai 'peranan pertubuhan sukarela', perkhidmatan kebajikan masyarakat hari ini tidak lagi hanya memberi tumpuan kepada pemberian bantuan dan jagaan kepada mereka yang daif atau yang kurang bernasib baik, tetapi lebih menitik-beratkan kepada perkhidmatan yang bercorak pencegahan, serta pembangunan untuk melengkapi rakyat dengan kebolehan atau kemampuan supaya mereka dapat menikmati serta menyertai rancangan pembangunan sosio-ekonomi yang dilaksanakan. Mereka lebih memerlukan bimbingan, nasihat, panduan dan peluang untuk mengorak langkah bagi menggunakan

berbagai kemudahan dan sumber yang terdapat dalam masyarakat untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup mereka. Perkhidmatan kebajikan masyarakat memerlukan penglibatan dan penyertaan yang aktif daripada semua lapisan masyarakat, kerana perkhidmatan ini tidak lagi boleh dianggap semata-mata tanggungjawab Kerajaan sahaja. Ia memerlukan sokongan yang positif daripada orang ramai.

8. Pertubuhan sukarela adalah dalam keadaan yang lebih kondusif untuk melibatkan penyertaan rakyat dalam kegiatan kebajikan. Dengan penyertaan individu, pertubuhan sukarela bukan sahaja dapat memenuhi kehendak individu, tetapi juga dapat membentuk sifat bertanggungjawab dan bekerjasama di kalangan rakyat untuk memberikan sumbangan terhadap hal-ehwal kebajikan.

9. Di antara peranan utama yang boleh dimainkan oleh pertubuhan sukarela dalam bidang kebajikan ialah: a) pertamanya, sensitif terhadap isu dan masalah semasa yang dihadapi oleh rakyat; b) kedua, mendorong rakyat bekerjasama dalam menjalankan kegiatan untuk membantu rakyat yang kurang bernasib baik; c) ketiga, memulakan projek printis untuk mewujudkan perkhidmatan di kawasan yang mempunyai masalah; d) keempat, mengadakan forum untuk interaksi sosial bagi membincang dengan cara terbuka mengenai perkara atau bidang sosial yang berkatian; e) kelima, menggalak dan mencari pekerja sukarela serta memupuk semangat sanggup membuat kerja sukarela di kalangan orang ramai; f) keenam, berusaha mengadakan sumber kewangannya sendiri tanpa mengharapkan bantuan daripada Kerajaan sepenuhnya; g) ketujuh, membuat penelitian yang mendalam dalam proses memilih jenis sukarelawan yang sesuai dan yang diperlukan untuk sesuatu program; h) kelapan, menempatkan sukarelawan dalam bidang kerja dengan berlandaskan kepada kebolehan dan kemampuan seseorang sukarelawan; i) kesembilan, mengkaji secara berterusan pelaksanaan program; j) kesepuluh, mengadakan kemudahan latihan bagi sukarelawan; k) kesebelas, mewujudkan dan melaksanakan perkhidmatan kebajikan sebagai menokok-tambah perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan; dan akhirnya, l) membuka jalan atau membolehkan orang yang berada memberi pertolongan atau sumbangan kepada mereka yang kurang bernasib baik.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Saya ingin pula menyentuh tentang masalah yang dihadapi oleh pertubuhan sukarela. Kebanyakan pertubuhan sukarela telah berjaya memperkembangkan liputan dan skop perkhidmatannya. Dengan berkembangnya perkhidmatan yang ditadbir dan diuruskan oleh pertubuhan sukarela, maka kebanyakan pertubuhan menghadapi berbagai masalah.

Pertamanya ialah kekurangan pengetahuan pentadbiran urusan pentadbiran, dan pengurusan sesebuah pertubuhan memerlukan pengetahuan dan kemahiran teknikal supaya perkhidmatan yang ditadbirkan dapat dilaksana dan disampaikan dengan cekap dan berkesan. Kebanyakan pertubuhan sukarela mempunyai ahli yang kurang berpengalaman dalam bidang pentadbiran atau pengurusan perkhidmatan, dan ini menjejaskan perjalanan pertubuhan mereka.

11. Masalah kedua ialah kekurangan sukarelawan. Penyertaan orang ramai dalam kegiatan pertubuhan sukarela masih berkurangan. Dengan bertambahnya proses urbanisasi di merata-rata tempat, didapati unsur-unsur tolong-menolong dan semangat bantu-membantu beransur kurang. Tanpa kedua-dua semangat ini, maka sumbangan ikhlas dan sukarela beransur kurang. Dengan kekurangan sukarelawan, maka sesebuah pertubuhan mendapati sukar untuk melaksanakan perkhidmatannya dengan berkesan.

12. Masalah ketiga pula ialah mengenai 'tahap kerja ikhtisas'. Kerja kebajikan di negara ini telah mencapai satu tahap profesionalisme, terutama sekali dalam perkhidmatan yang ditadbirkan oleh Kerajaan. Perkhidmatan yang ditadbirkan oleh pertubuhan sukarela sedang menuju ke arah pencapaian tahap tersebut. Oleh itu usaha-usaha perlu dijalankan untuk mempertingkatkan tahap ikhtisas sukarelawan melalui latihan dan amalan kerja yang khusus.

13. Masalah terakhir ialah 'kewangan'. Bagi pertubuhan sukarela yang besar dan dipimpin oleh orang yang berpengaruh, mungkin juga ianya senang dan banyak mendapat sumbangan kewangan atau derma dari orang ramai. Ini satu pengecualian atau 'exception'. Pertubuhan yang kecil lazimnya mengalami

kesukaran mendapat derma yang mencukupi.

14. Beralih kepada 'langkah-langkah mempertingkatkan peranan pertubuhan sukarela', kita boleh mengambil berbagai langkah bagi mempertingkatkan penglibatan pertubuhan sukarela dalam kegiatan kebajikan. Langkah pertamanya ialah pertubuhan sukarela yang memberi perkhidmatan jagaan perlulah dipandu untuk mengubah-suaikan tumpuannya dari corak jagaan kepada corak pencegahan dan pembangunan supaya penerima perkhidmatannya dapat berdikari dan diserapkan dalam masyarakat.

15. Di samping itu, pergerakan pertubuhan sukarela perlu diselaraskan melalui bimbingan dan panduan supaya tidak berlaku usaha yang bertindih; sebaliknya pembahagian kewajipan haruslah dijalankan secara bekerjasama dan berharmoni.

16. Langkah ketiga bagi mempergiatkan peranan pertubuhan sukarela ialah mungkin ada baiknya jika dihadkan penglibatan sukarelawan yang aktif kepada beberapa pertubuhan sahaja.

Pada masa ini terdapat segolongan kita yang mempunyai rasa tanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja kebajikan.

Malangnya beberapa orang daripada kita telah dilantik untuk menjadi ahli jawatankuasa berbagai pertubuhan, sehinggakan penyertaan mereka kurang membawa kesan kepada pertubuhan yang berkenaan.

17. Langkah lain bagi mempergiatkan pertubuhan sukarela adalah dengan mengadakan kempen untuk mendapatkan pekerja-pekerja sukarela. Pada masa ini tidak ramai orang yang tampil ke hadapan untuk membuat kerja sukarela.

Mungkin ini adalah kerana kurang penerangan yang diberi kepada mereka ataupun kurang faham dengan jenis kerja dan pertolongan, serta penglibatan yang diperlukan.

18. Langkah kelima ialah mengadakan latihan bagi pegawai pentadbir pertubuhan sukarela, supaya perkhidmatan dapat dikendalikan dengan cekap dan berkesan.

19. Langkah yang keenam ialah mewujudkan satu badan perunding dalam bidang pengurusan program untuk memandu perjalanan pertubuhan sukarela melalui pemberian nasihat, kepakaran dan perancangan perkhidmatan yang konstruktif dan diselaraskan serta "conscious sharing" daripada segi sumber dan pengalaman untuk mempertingkatkan pertumbuhan sesuatu pertubuhan dan operasi perkhidmatan supaya menjadi lebih efisien dan berkesan.

20. Langkah terakhir ialah mempertingkatkan mutu profesionalisme pertubuhan sukarela dengan mengadakan pegawai-pegawai terlatih dalam bidang-bidang tertentu untuk mengendalikan kegiatannya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

21. Pertubuhan sukarela di negara ini telah memainkan peranan yang penting dalam usaha mengendali dan mengatasi masalah sosial serta mengadakan berbagai jenis perkhidmatan kebajikan bagi berbagai golongan masyarakat yang berada dalam kedaan yang memerlukan. Walaupun Kerajaan akan terus memainkan peranan utama untuk memulakan sesuatu perkhidmatan bagi menghadapi masalah yang baru wujud, pertubuhan sukarela akan terus berkembang dengan adanya sikap kesukarelawan di kalangan rakyat Negara ini.

22. Sekian sahaja garis-garis penting mengenai kertas kerja yang saya kemukakan ini. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan dapat membincangkan dengan lebih lanjut lagi kertas kerja ini bagi kepentingan kegiatan pertubuhan sukarela pada masa depan.

Terima kasih.